



ISMAIL SABRI (duduk, tengah) bersama sebahagian daripada murid-murid Tabika Kemas mengibarkan Jalur Gemilang pada Pelancaran Program Transformasi (Fasa Pertama) Tabika Kemas di Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Negeri Sembilan semalam.



ISMAIL SABRI (kiri) turut sama mengikuti sesi pembelajaran murid-murid Tabika Kemas ketika Pelancaran Program Transformasi (Fasa Pertama) Tabika Kemas di Kompleks Belia dan Sukan Paroi semalam.

Dua langkah utama akan diperkenalkan bagi menjadikan ia tabika berprestasi tinggi

Tabika Kemas alami transformasi

SEREMBAN - Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di seluruh negara akan menjalani program transformasi secara besar-besaran mulai tahun ini bagi menjadikan ia sebuah tabika berprestasi tinggi.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, transformasi itu juga bertujuan menjadikan Tabika Kemas sebagai pilihan utama ibu bapa terutamanya di kawasan bandar untuk menghantar anak-anak mereka mendapatkan pendidikan awal.

Menurut beliau, transformasi itu termasuklah menambah baik silibus mata pelajaran, menambah waktu operasi selama lima jam dan memperkasakan pembangunan fizikal ke atas



11,188 Tabika Kemas di seluruh negara ketika ini.

"Sebanyak dua langkah utama akan diperkenalkan dalam Fasa Pertama Transformasi Tabika Kemas iaitu memberi nilai tambah kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) sedia ada dan menaik taraf kemudahan serta prasarana Tabika Kemas.

"Sebahagian daripada langkah itu sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan kita menjangkakan kedua-dua langkah berkenaan akan dapat dilaksanakan sepenuhnya di setiap Tabika Kemas bermula tahun depan.

"Kita mahu Tabika Kemas menjadi pilihan utama ibu bapa menghantar anak-anak mereka mendapatkan pendidikan awal. Terdapat lebih 200,000 kanak-kanak mendapat pendidikan di Tabik Kemas di seluruh negara waktu ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersempena Pelancaran Program Transformasi (Fasa Pertama) Tabika Kemas di Kompleks Belia dan Sukan Paroi di sini semalam.

Transformasi Tabika Kemas merupakan sebahagian daripada program Transformasi Luar Bandar yang pernah beliau umumkan pada November tahun lalu.

Ismail Sabri berkata, terdapat sebanyak tiga modul diperkenalkan dalam langkah pertama Transformasi Tabika Kemas iaitu Modul Keyakinan Diri, Pempukan Semangat Patriotik dan Program Penghayatan Pendidikan Islam (PPI).

Menurut beliau, Modul Keyakinan Diri bertujuan melahirkan kanak-kanak Tabika Kemas yang ceria, cerdas dan cerdik serta mempunyai keyakinan diri untuk menjadi insan yang cemerlang, sekali gus mampu menjadi pemimpin unggul pada masa depan.

"Kita mahu pelajar Tabika Ke-

mas bukan sekadar berkeyakinan untuk membuat persembahan seperti yang diajarkan oleh guru-guru mereka tetapi mereka mampu berkomunikasi dan melontarkan idea dengan baik," ujarnya.

Beliau memberitahu, Pempukan Semangat Patriotik pula bertujuan menerap dan menyemai semangat jati diri dalam kalangan kanak-kanak Tabika Kemas supaya mempunyai keinginan yang kuat untuk menjaga dan mengekalkan kesejahteraan serta keamanan negara.

Menurutnya lagi, modul itu juga bertujuan mengelakkan murid Tabika Kemas mudah terpengaruh dengan budaya negatif yang mudah menular berikutan kewujudan media sosial.

"Program Penghayatan Pendidikan Islam (PPI) pula berdasarkan inisiatif semua pihak termasuk ibu bapa yang mahu melihat anak-anak mereka mempunyai asas pendidikan Islam," katanya.

Beliau menambah, antara aspek pendidikan Islam yang diberi penekanan itu merangkumi pengajaran ibadah seperti mengambil wuduk, azan dan iqamah, solat fardhu, solat dhuha dan amalan-amalan doa harian.

"Aspek lain adalah pengajaran al-Quran yang memberi penekanan kepada menghafal surah lazim. Modul ini telah pun bermula di beberapa Tabika Kemas," katanya.

Beliau berkata, langkah kedua Transformasi Tabika Kemas melibatkan usaha baik pulih bangunan sedia ada bagi memastikan murid dapat belajar dalam keadaan kondusif, selamat dan selesa kerana sebilangan Tabika Kemas masih 'menumpang' di balai-balai raya.

"Fasa Kedua Transformasi Tabika Kemas pula melibatkan pemerkasaan pengajaran Bahasa Inggeris yang akan dilaksanakan selepas fasa pertama dilaksanakan sepenuhnya pada tahun depan," katanya.